

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Kajian mengenai subdialek Perak ini memungkinkan kita membuat kesimpulan iaitu subdialek Parit merupakan wakil bagi dialek Perak. Ciri-ciri khasnya membezakannya dari dialek-dialek lain di Malaysia dapat dilihat dari sudut fonologi, morfologi, leksikal, sintaksis dan semantik. Walaupun wujudnya kelainan-kelainan antara dialek-dialek ini, namun dalam beberapa hal ada persamaannya. Inilah yang menyebabkan kebolehubungan di antara penutur dengan pendengar yang berbeza dialek.

5.1 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati bahawa dialek Perak mempunyai pengaruh terhadap penguasaan bahasa Melayu baku seseorang penutur khususnya penutur asli dialek Perak sama ada secara langsung atau tidak. Dengan ini didapati penutur dialek Perak jati mengalami gangguan dalam menuturkan bahasa Melayu baku dengan betul. Kita dapat melihat bagaimana dialek tersebut boleh menyulitkan penguasaan bahasa Melayu standard.

Ia dapat dilihat khususnya dari aspek fonologi. Ini kerana bidang fonologi merupakan bidang yang paling banyak dan paling ketara mengganggu penutur-penutur dialek ini dalam penguasaan bahasa Melayu standard. Fonem vokal dan konsonan yang berlainan itu telah menyebabkan perkara-perkara berikut turut berlaku:

- i. Penyebutan Bunyi Kata yang Berlainan. Misalnya :

Dialek Parit	Bahasa Melayu Baku
[lumɔ]	'lumur'
[bəɔ]	'besar'
[ʁupɛ]	'rupa'
[limɛ]	'lima'
[kəʁɔtɛh]	'kertas'

Berdasarkan contoh-contoh di atas, kita dapat lihat perkataan-perkataan yang diakhiri oleh [ur] dan [ar] dalam sebutan baku akan bertukar menjadi [ɔ] dalam dialek Parit. Manakala bagi perkataan-perkataan yang berakhir dengan [a] bagi sebutan baku akan diakhiri pula dengan [ɛ] dalam dialek Parit. Dalam dialek Parit juga terdapat kecenderungan untuk memanjangkan bunyi sebutan seperti perkataan 'kertas' disebut [kəʁɔtɛh].

ii. Kesalahan ejaan. Misalnya :

Ejaan yang betul	Ejaan yang salah	Dialek Parit
sampai	sampe	[səmpə]
hancing	hancin	[həncən]
cangkul	cangkui	[cəŋkoi]
tahun	taon	[taon]
kecil	kecik	[kəce?]

Bagi penutur-penutur dialek Parit sering terjadi kesilapan semasa menulis dalam sebutan baku. Kebiasaan menurut dialek dalam semua situasi menyebabkan mereka juga terbawa-bawa dalam penulisan. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui karangan yang dibuat oleh informan yang terdiri daripada golongan remaja.

iii. Kekeliruan Makna. Misalnya :

Dialek Parit	Bahasa Melayu Baku
[misə]	misal atau misai
[kome]	tanda koma atau awak
[kole]	bekas minuman atau kuala
[nanam]	buah nanam atau menanam
[dale]	dalam atau dali!
[jale]	jala atau Jalil

Contoh-contoh di atas sering menimbulkan kekeliruan makna apabila penutur dialek Parit berkomunikasi dengan bukan penutur dialek tersebut. Justeru itu penerangan yang jelas dari segi makna sama ada dalam sebutan baku mahupun dialek Parit harus diberikan.

5.2 Cadangan

Lantaran adanya perbezaan sebutan dan intonasi yang begitu jelas antara dialek Parit dengan bahasa Melayu baku, maka timbullah berbagai-

bagai masalah bagi penutur-penutur dialek ini untuk menguasai pertuturan bahasa Melayu baku dengan baik. Oleh itu terdapat beberapa langkah yang harus diambil bagi mengelakkan perkara sebegini terjadi, antaranya ialah :

- 1) Guru-guru yang telah terbiasa dengan penggunaan dialek seharusnya mengelakkan dari menuturkan dialek semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di bilik darjah.
- 2) Sebagai model, guru bahasa hendaklah menunjukkan tahap ketrampilan berbahasa baku yang tinggi. Dalam perkembangan pendidikan kini, guru hendaklah mengamalkan budaya ilmu, budaya membaca dan mendukung falsafah pendidikan sepanjang hayat, setidaknya meninggikan taraf pengetahuan dan penggunaan bahasanya. Ketrampilan berbahasa seseorang guru inilah yang akan diteladani oleh pelajar-pelajarnya. Guru bahasa hendaklah sentiasa menggunakan bahasa Melayu yang betul dan baku, semasa menyampaikan mata

pelajaran di sekolah kerana bahasa beliau akan dijadikan model rujukan.

- 3) Kita harus melihat pengajaran bahasa Melayu sebagai suatu proses yang tidak boleh dipisahkan daripada pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek lain dalam kurikulum persekolahan. Satu program kurikulum bahasa secara menyeluruh perlu diwujudkan. Guru-guru mata pelajaran lain juga hendaklah mengajar mata pelajarannya dalam bahasa Melayu yang betul. Jika guru-guru tersebut masih belum cekap, mereka perlu dihantar untuk mengikuti kursus kemahiran bahasa Melayu. Ini perlu, kerana pelajar-pelajar sentiasa mencontohi guru. Jika guru menulis atau bertutur dalam bahasa Melayu yang tidak betul, maka begitulah juga muridnya.
- 4) Pelajar perlu mengetahui dengan jelas perbezaan antara bahasa Melayu baku dengan dialek-dialek yang mereka gunakan dalam pertuturan sehari-hari baik daripada segi sebutan, ejaan, imbuhan, susunan ayat, stilistik dan makna.

- 5) Sikap pelajar yang menganggap bahasa Melayu itu mudah kerana bahasa Melayu itu bahasa yang mereka gunakan dalam perhubungan hari-hari perlu dikikis sama sekali. Masa yang panjang diperlukan untuk mencapai peringkat kecekapan berbahasa.
- 6) Pelajar-pelajar hendaklah sentiasa menggunakan bahasa Melayu yang betul, terutamanya semasa persekolahan, baik dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah kerana amalan ini memberi kesedaran kepada mereka bahasa Melayu yang betul sahaja yang harus digunakan. Cara ini juga dapat mengatasi masalah pengaruh dialek dalam penyebutan bahasa Melayu baku. Di samping menanamkan semangat cintakan bahasa Melayu.
- 7) Selain dari itu, pelajar-pelajar diingatkan supaya membaca buku-buku, majalah-majalah dan bahan-bahan bacaan yang ditulis dalam bahasa Melayu yang betul dan baik.

- 8) Makmal-makmal bahasa hendaklah dilengkapi, sekurang-kurangnya di sekolah-sekolah berasrama penuh bagi melatih pelajar-pelajar bertutur bahasa Melayu lisan dengan lebih berkesan.
- 9) Bahan-bahan pengajaran yang digunakan dalam bilik darjah harus lebih rapat dengan kehidupan masyarakat Malaysia harian. Bahan-bahan tersebut juga perlu dikawal bahasanya, bukan hanya dikawal dari segi gaya dan pendekatannya sahaja. Bahan-bahan harus dikaji, diuji kesesuaiannya bagi peringkat-peringkat tertentu sebelum diterima.
- 10) Proses pembelajaran bahasa pertama adalah lebih merupakan satu proses mental dan neurologi yang berkait rapat dengan keupayaan semula jadi manusia berbahasa. Keupayaan ini dapat diperkembangkan dengan pertolongan aspek-aspek sosiobudaya seperti latar belakang bahasa dan kesusasteraan yang lahir daripada masyarakat bahasa itu sendiri. Aspek-aspek ini haruslah menjadi asas dalam menentukan pendekatan dan teknik mengajar bahasa Melayu kepada penutur jati dan juga dalam pemilihan bahan-bahan. Kebiasaan untuk berbahasa

telah sedia wujud pada pelajar-pelajar ini dan yang perlu ialah pertumbuhan atau pertambahan kosa kata termasuk pembinaan konsep-konsep, istilah dan kosa kata khusus, struktur-struktur frasa dan ayat, gaya dan keupayaan bahasa yang diterima masyarakat sebagai murni dan cocok dengan situasi-situasi berbahasa tertentu (Azman Wan Chik, 1989: 9).

- 11) Kita mengharapkan satu penghasilan bahasa lisan yang umum dan standard. Bukan sahaja perlu ditekankan aspek penghasilan bunyi bahasa dalam sebutan, tetapi intonasi, rentak irama, nada dan ciri-ciri prosodi yang lain juga harus diseragamkan. Ini memerlukan latihan yang intensif untuk menentukan supaya kebiasaan sebutan dialek dapat ditembusi. Latihan ini juga harus dimulakan dari peringkat awal untuk memastikan kebiasaan yang tidak standard dapat dikikis dari awal-awal lagi. Perbanyakkan waktu untuk lisan kepada pelajar-pelajar supaya mereka dapat bertutur bahasa Melayu standard dengan lebih baik.

12) Penggunaan sebutan bahasa Melayu baku yang baik akan terus berkembang sekiranya digunakan di dalam dan di luar bilik darjah melalui aktiviti-aktiviti penggunaan, pengukuhan dan pengayaan. Aktiviti-aktiviti ini hendaklah menarik serta memenuhi minat dan keperluan pelajar-pelajar. Melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan inilah, rasa yakin dan cinta untuk mengucapkan bahasa akan terbentuk malah para pelajar dapat menggunakan bahasa untuk melahirkan buah fikiran dan perasaan mereka di samping meluahkan tanggapan mereka secara kritis dan kreatif. Antara aktiviti-aktiviti lisan yang boleh dilakukan oleh para guru bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu baku adalah seperti berikut :

- a. Latihan dalam perbualan dan perbincangan secara spontan mengenai:
 - peristiwa semasa, hal-hal yang berkaitan dengan bidang pelajaran di peringkat ini, pengalaman sendiri, cerita yang didengar, dibaca atau yang dilihat dari filem, televisyen, gambar-gambar dan sebagainya.

b. Latihan dalam menyampaikan :

-ucapan selamat datang dan selamat berpisah, ucapan tahniah dan takziah, ucapan terima kasih, laporan lawatan, aktiviti kelab dan persatuan di sekolah dan sebagainya

c. Latihan dalam menyampaikan:

-perbahasan, syarahan, ceramah, forum, seminar, dialog, wawancara, kuiz, mesyuarat, kempen, lakonan dan drama

d. Latihan memindahkan sebutan perkataan dan ayat dari bahasa daerah ke bahasa Melayu dan menggunakannya dengan betul

-lakonan spontan dalam bahasa daerah dilakukan semula dalam bahasa Melayu baku

e. Latihan menuturkan sesuatu ungkapan bahasa Melayu dalam kumpulan nafas, tekanan dan intonasi yang betul.

Tujuan aktiviti-aktiviti tersebut adalah untuk :

- (i) membolehkan pelajar-pelajar bertutur dalam bahasa Melayu baku dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- (ii) membolehkan pelajar-pelajar melihat perbezaan antara pertuturan dialek-dialek dengan pertuturan bahasa Melayu baku.
- (iii) melatih pelajar-pelajar menggunakan perkataan yang sesuai dalam pertuturan, perbualan dan perbincangan.
- (iv) membiasakan pelajar-pelajar dengan syarahan, ceramah, dialog, lakonan dan drama.

(Abdul Hamid Mahmood, 1993 : 20)

- 13) Masyarakat umum juga turut berperanan dan bertanggungjawab mempengaruhi pelajar-pelajar mencapai kecekapan berbahasa bahasa Melayu baku. Sikap tidak menganggap sebutan bahasa Melayu baku itu penting harus dihindarkan. Mereka sepatutnya menjadi model kepada generasi muda untuk menggunakan sebutan baku dengan betul dalam kehidupan sehari-hari.

- 14) Pihak kerajaan perlu menetapkan dan mengadakan model sebutan baku bahasa Melayu. Satu model sebutan baku yang baik yang boleh dijadikan rujukan hendaklah diadakan dan disebarkan supaya dapat diikuti oleh guru-guru, murid-murid, pegawai-pegawai dan masyarakat umum. Pada masa ini kita dapati penyampaian berita di media elektronik masih lagi kurang memuaskan kerana terdapat kekeliruan berhubung dengan sebutan baku.

Sebutan baku dan dialek ada tempat dan peranan masing-masing dalam komunikasi antara manusia, sekurang-kurangnya dalam satu jangka masa yang tertentu. Ini kerana seseorang individu lahir dengan latar belakang kebahasaan keluarganya yang berbeza. Penggembleran tenaga oleh semua pihak terutamanya para pemimpin politik, guru, kerajaan dan pihak media massa serta masyarakat hendaklah memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan baku agar dapat bertindak sebagai fasilitator yang berdaya untuk memasyarakatkan bahasa Melayu yang murni, rapi, jelas, berkesan dan berhemah. Usaha ke arah pembakuan bahasa

terutamanya sebutan baku memerlukan komitmen dan keyakinan kita bersama. Keceragamannya akan mengukuhkan perkembangan bahasa ini.

Sebagai kesimpulan, dialek Melayu yang ada di negara kita dapat dimanfaatkan bukan sahaja untuk melancarkan komunikasi, tetapi juga dapat merupakan alat untuk mengenal pasti budaya orang Melayu. Kita tidak menutup kemungkinan adanya masukan dari bahasa asing dalam mengukuhkan lagi bahasa Melayu tetapi ia haruslah disesuaikan dengan tatacara kehidupan masyarakat Malaysia. Seandainya kata-kata dari dialek Melayu diterapkan secara beransur-ansur tentunya identiti bahasa Melayu akan terpelihara dan berkembang.